

Ruj Kami: TNB/ICT/TNS/BANDING\_1/2025  
Tarikh: 10 Disember 2025

**Tenaga Nasional Berhad**  
Telco & Network Services  
Bahagian ICT, Wisma TNB,  
30020 Ipoh  
Perak Darul Ridzuan

**PROJEK/ KERJA : KERJA INFRASTRUKTUR DAN KABEL GENTIAN OPTIK TNB DI JALAN RAYA TIMUR BARAT DAN JAMBATAN - JAMBATAN PULAU BANDING**

---

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan melaksanakan kerja-kerja pembangunan serta penaiktarafan infrastruktur utiliti elektrik di kawasan Jalan Raya Timur Barat, Banding. Pelaksanaan ini merangkumi penyediaan laluan utiliti baharu yang diperlukan bagi menyokong kestabilan rangkaian komunikasi bersepadu TNB.
3. Sehubungan dengan itu, TNB telah melantik Solara Sdn. Bhd. sebagai kontraktor yang bertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja berkaitan pemasangan infrastruktur fiber optik.
4. Saya, **Mohd NurFazamruddin Bin Rosli**, selaku wakil teknikal yang bertanggungjawab mewakili pihak TNB, dengan ini memohon kelulusan rasmi daripada pihak KUDR untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut di kawasan jajaran berkenaan. Permohonan ini merangkumi kelulusan penggunaan laluan, pelaksanaan kerja lapangan, penutupan lorong (sekiranya diperlukan), serta penyelarasan keselamatan di sepanjang zon kerja.
5. Pihak TNB memberi jaminan bahawa semua kerja akan dijalankan mengikut prosedur operasi standard (SOP), garis panduan keselamatan jalan raya, serta keperluan teknikal yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Segala pemantauan, dokumentasi teknikal, serta pelaporan progres akan dikemukakan kepada pihak KUDR dari semasa ke semasa.

Kerjasama, perhatian dan kelulusan daripada pihak Tuan/Puan amatlah dihargai bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek ini, yang mana turut menyokong peningkatan infrastruktur tenaga dan telekomunikasi strategik untuk kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih



Mohd NurFazamruddin Bin Rosli  
State Engineer  
Telco Operations (Perak)  
Infra Department Operations & Service  
ICT Division  
Tenaga Nasional Berhad

**(Mohd NurFazamruddin Bin Rosli)**  
Jurutera Negeri Perak  
Telco & Network Services  
Bahagian ICT, TNB